

Carbimazole Tablet

Carbimazole 5 mg

What is in this leaflet?

1. What Carbimazole is used for
2. How Carbimazole works
3. Before you use Carbimazole
4. How to take Carbimazole
5. While you are using Carbimazole
6. Side effects
7. After using Carbimazole

Read all of this leaflet carefully before you start taking this medicine.

- Keep this leaflet. You may need to read it again.
- If you have any further questions, ask your doctor or your pharmacist.
- This medicine has been prescribed for you. Do not pass it on to others. It may harm them, even if their symptoms are the same as yours.
- If any of the side effects gets serious, or if you notice any side effects not listed in this leaflet, please tell your doctor or pharmacist.

1. What Carbimazole is used for

Carbimazole belongs to a group of medicines called 'anti-thyroid' medicines.

Carbimazole is used for people with an over-active thyroid gland (called 'hyper-thyroidism').

2. How Carbimazole works

Carbimazole Tablet contains the active substance carbimazole,

- carbimazole reduces the amount of thyroid hormones made in your thyroid gland.
- It can be used on its own, or with other treatments for an over-active thyroid gland.
- It can also be used before surgical removal of part or all of the thyroid.

3. Before you use Carbimazole

When you must not take it

Do not take Carbimazoles if:

- You are allergic (hypersensitive) to carbimazole or any of the other ingredients of Carbimazole tablets (listed in *Ingredients*).

• You are allergic (hypersensitive) to other anti-thyroid medicines such as thiamazole or propylthiouracil.

• You have liver problems.

• You have problems with your blood cell counts.

Do not take carbimazole tablets if any of the above apply to you. If you are not sure, talk to your doctor or pharmacist before taking carbimazole.

Before you start to take it

Check with your doctor or pharmacist **before** taking Carbimazole tablets if you:

- with large goitre, or blood disorders and pregnancy because Carbimazole can cross the placenta and may cause foetal or neonatal hypothyroidism and goitre.

Taking other medicines

Please tell your doctor or pharmacist if you are taking:

• Medicines to thin your blood or to stop clotting.

• Taking other medicines, including those available to buy without prescription, herbal or complimentary medicine.

4. How to take Carbimazole

How much to take

Always take Carbimazoles exactly as your doctor has told you. Make sure you know how many tablets to take each day. If you are not sure, check with your doctor or pharmacist.

Doses:

Your doctor will decide on a starting dose and adjust the dose to higher or lower depending on your body response, to find a dose most suits you.

Adults

The usual starting dose for the 5mg tablets is between 6 and 12 tablets each day.

Children

The usual starting dose is three 5mg tablets each day.

You may feel better from one week onwards after starting carbimazole

treatment. However, it may take 4 to 8 weeks for you to experience the full benefits of this treatment.

- When your condition is under controlled, your doctor will gradually lower your dose to one to three 5mg tablets a day.

- You must not stop or change your dose without talking to your doctor first.

- Your doctor will decide when treatment can be stopped.

- You may need to have blood tests from time to time to check how you are responding to treatment.

When to take it

• You should swallow the tablets with a little water before, during or after meals.

• Try to take your dose at the same time(s) each day to avoid missing any doses.

• The tablets you take each day may be split into two (morning and evening) or three (morning, afternoon and night). Ask your doctor or pharmacist if you are not sure.

How long to take it

You should take Carbimazole as long as your doctor prescribes it.

Do not stop the treatment without discussing it with your doctor first.

If you have any further questions on the use of this product, ask your doctor or pharmacist.

If you forget to take it

If you forget a dose, take it as soon as you remember. If it is time for your next dose, take both doses together.

If you take too much (overdose)

If you take more carbimazole than you should, talk to a doctor or go to a hospital straight away. Take the medicine pack or this leaflet and any remaining tablets with you.

5. While you are using Carbimazole

Things you must do

You can take Carbimazole before meal, during meal or after meal.

• Before having any kind of medical treatment, including dental or emergency treatment, tell the person

carrying out the treatment that you are taking carbimazole.

Things you must not do

Pregnancy and breast-feeding:

If you are pregnant, or planning to become pregnant please ask your doctor or pharmacist for advice before taking this medicine.

Do not breast-feed if you are taking carbimazole. This is because small amounts may pass into the mother's milk.

Driving and using machines:

Carbimazole is unlikely to affect your ability to drive or use machines.

Things to be careful of

Carbimazole tablet contains lactose. If you have been told by your doctor that you have an intolerance to some sugars, contact your doctor before taking this medicine.

6. Side effects

Like all medicines, Carbimazole can cause side effects, although not everybody gets them.

The side effects usually happen in the first eight (8) weeks of your treatment. Do not be alarmed by this list of possible side effects. You may not get any of them.

Side-effects	What can I do if I experience this
Feeling sick, stomach upset	Eat little and often. Stick to simple foods
Headache	Ask your pharmacist to recommend a suitable painkiller. If the headache continues, speak with your doctor
Skin rash, itching	Let your doctor know about this, as treatment with an antihistamine may be recommended for you
Other possible side-effects:	changes to your taste, fever, tiredness, painful joints. If any of these become troublesome, let your doctor know

****Important: Stop** taking Carbimazole and see a doctor straight away, if you notice any of the following side effects:

•An infection, sore throat, mouth ulcers, high temperature, unusual bruising or bleeding, or if you generally feel unwell.

•Jaundice (yellowing of the skin and whites of the eyes).

If you experience any other symptoms, which you think may be due to this medicine, discuss them with your doctor or pharmacist.

7. After using Carbimazole

Storage

Keep in a cool, dry place below 25°C, away from direct heat and sun light.

Keep out of the reach and sight of children.

Do not use Carbimazole after the expiry date which is stated on the container after EXP. The expiry date refers to the last day of that month.

Do not use Carbimazole if you notice any visible sign of deterioration.

Disposal

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste. Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

Product description

What it looks like?

Carbimazole Tablets are white round tablet, in packing of 60's , 100's; and 100 x 10's; 1000's (for export only).

Ingredients

- The active substance (the ingredient that makes the tablets work) is Carbimazole. Each tablet contains 5 mg of Carbimazole.

- The other ingredients are: Starch, Magnesium Stearate dan White base.

Carbimazole Tablet - MAL19921350A

Manufacturer, Holder and Distributed by

Biosis Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
1572, Jalan Besar Valdor,
Mukim 12, Sungai Bakap,
14200 Seberang Perai Selatan,
Pulau Pinang, Malaysia.

Revision Date: September 2011

Tablet Carbimazole

Carbimazole 5 mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Carbimazole
2. Bagaimana Carbimazole berfungsi
3. Sebelum mengambil Carbimazole
4. Cara menggunakan Carbimazole
5. Semasa menggunakan Carbimazole
6. Kesan-kesan sampingan
7. Selepas menggunakan Carbimazole

Sila baca risalah ini dengan teliti sebelum mengambil ubat ini.

- Sila simpan risalah ini untuk rujukan.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.
- Ubat ini telah dipreskripsikan khas untuk kamu, jangan bagi orang lain mengambilnya. Tindakan itu mungkin membahayakan kesihatan mereka walaupun mereka mempunyai symptom-symptom yang seperti kamu.
- Sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan serius, atau sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila memberitahu doktor atau ahli farmasi anda.

1. Apakah kegunaan Carbimazole

Carbimazole termasuk dalam kumpulan ubat yang disebut ubat 'anti-tiroid'.

Carbimazole digunakan untuk orang dengan kelenjar tiroid terlalu aktif (disebut 'hyper-thyroidism').

2. Bagaimana Carbimazole berfungsi

Tablet Carbimazole mengandungi bahan aktif iaitu carbimazole,

- carbimazole mengurangkan jumlah hormon tiroid yang dibuat di kelenjar tiroid anda.
- Ubat ini boleh digunakan secara tunggal, atau dengan rawatan lain untuk kelenjar tiroid yang terlalu aktif.
- Ubat ini juga boleh digunakan sebelum pembedahan untuk membuang sebahagian atau keseluruhan tiroid.

3. Sebelum mengambil Carbimazole

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil carbimazole sekiranya:

- anda hipersensitif atau alah kepada carbimazole atau mana-mana bahan kandungan tablet Carbimazole (yang tersenarai di bahagian "Maklumat lanjut - Bahan-bahan Kandungan")
- anda alah terhadap ubat-ubatan anti-tiroid lain seperti thiamazole atau propylthiouracil.
- anda mempunyai masalah hati.
- anda mempunyai masalah dengan jumlah sel darah anda.

Jika anda tidak yakin, sila bercakap dengan doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil carbimazole.

Sebelum mula mengambil

Berhati-hati semasa mengambil Tablet Carbimazole

Sila maklumkan kepada doktor anda sebelum anda mula makan ubat ini:

Sekiranya anda mempunyai goiter yang besar, atau gangguan darah dan mengandungi kerana Carbimazole boleh menyeberangi plasenta dan boleh menyebabkan hipotiroidisme janin atau neonatal dan goiter.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda:

- sedang mengambil ubat untuk mencairkan darah atau menghalang pembekuan darah.
- menggunakan ubat-ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, ubat komplimetari atau ubat herba.

4. Cara menggunakan Carbimazole

Berapa banyak harus diambil

Makan Carbimazole ikut arahan doktor anda. Pastikan anda tahu berapa biji ubat perlu dimakan setiap hari. Sila minta nasihat doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

Dos:

Doktor anda akan menentukan dos permulaan dan mungkin mengubah suai dos ubat mengikut keadaan tindakbalas badan anda.

Dewasa:

Dos awal yang biasa adalah antara 6 hingga 12 biji 5mg tablet setiap hari.

Kanak-kanak:

Dos awal yang biasa adalah tiga biji 5mg tablet setiap hari.

Anda mungkin merasa lebih baik selepas satu minggu memulakan rawatan carbimazole. Namun, mungkin diperlukan 4 hingga 8 minggu untuk anda mengalami manfaat yang sebenar dari rawatan ini.

-Apabila keadaan anda sudah terkawal, doktor akan menurunkan dos anda secara berperingkat kepada 1 hingga 3 biji 5mg tablet sehari.

- Anda tidak boleh menghentikan atau mengubah dos ubat tanpa berbicara dengan doktor anda terlebih dahulu.

- Doktor anda akan memutuskan bila rawatan boleh dihentikan.

- Anda mungkin perlu dikehendaki menjalankan ujian darah dari masa ke masa untuk menilai keberkesanan rawatan.

Bila perlu ambil

- anda harus menelan tablet dengan sedikit air sebelum, semasa atau selepas makan.

- anda harus mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari supaya tidak tertinggal dos.

- Kadang-kadang jumlah tablet yang anda ambil sehari mungkin dibahagikan kepada 2 kali (pagi dan malam) atau tiga kali (pagi, tengahari dan malam) makan. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

Berapa lama perlu diambil

Anda perlu terus mengambil Carbimazole jika doktor anda mempreskripsikannya.

Jangan berhenti rawatan ini tanpa berbincang terlebih dahulu dengan doktor anda.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai penggunaan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda lupa mengambil carbimazole, makan ubat itu dengan

serta merta sebaik sahaja teringat. Jika masa untuk dos seterusnya, makan kedua-dua dos bersama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terlebih makan ubat, hubungi doktor anda atau dapatkan rawatan di jabatan kecemasan terdekat. Sila bawa bersama baki ubat atau risalah ini.

5. Semasa menggunakan Carbimazole

Perkara yang perlu dilakukan

Anda boleh mengambil Carbimazole sebelum, semasa atau selepas makan.

Sebelum melakukan apa pun rawatan perubatan, termasuk rawatan gigi atau keadaan kecemasan, maklumkan kepada orang yang melakukan rawatan bahawa anda sedang menerima rawatan carbimazole.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Kehamilan dan menyusui

Sekiranya anda sedang hamil atau merancang untuk hamil sila beritahu doktor anda sebelum rawatan ubat ini bermula.

Jangan menyusui anak semasa menerima rawatan carbimazole kerana ubat ini mungkin memasuki susu ibu.

Memandu dan Mengendalikan Mesin

Carbimazole tidak mengganggu keupayaan anda mengendalikan kenderaan dan mesin.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Tablet carbimazole mengandungi laktosa. Sekiranya anda mempunyai intoleransi terhadap laktosa, sila hubungi doktor anda sebelum mula mengambil ubat ini.

6. Kesan-kesan sampingan

Carbimazole mungkin menyebabkan kesan-kesan sampingan. Akan tetapi, bukan semua orang yang ambil akan mengalami kesan sampingannya.

Kesan sampingan biasanya dialami dalam masa 8 minggu yang pertama. Anda juga berkemungkinan tidak mengalami sebarang kesan sampingan.

Kesan Sampingan	Apa yang perlu dilakukan
Rasa tidak sihat, gangguan perut	Makan makanan yang kurang berminyak dan ringan. Makan kurang dan lebih kerap.
Sakit kepala	Minta ahli farmasi anda untuk ubat tahan sakit yang sesuai. Sekiranya sakit kepala tidak lega, sila jumpa doktor anda.
Ruam kulit dan gatal	Maklumkan doktor anda. Anda mungkin perlukan rawatan ubat antihistamin.
Lain-lain kesan sampingan	Gangguan rasa, demam, rasa letih, sakit sendi. Sekiranya mana-mana kesan ini menjadi semakin teruk, sila jumpa doktor anda.

****Penting: Berhenti mengambil carbimazole** dan hubungi doktor anda serta merta jika anda mengalami tindakbalas alahan seperti berikut:

- Jangkitan, sakit tekak, bisul mulut, demam yang tinggi, lebam atau pendarahan yang tidak biasa, atau jika anda merasa tidak sihat secara umum.
- Penyaakit kuning (kulit atau putih mata menjadi kuning).

Jika anda mengalami gejala lain, yang anda rasa mungkin disebabkan oleh ubat ini, bincangkannya dengan doktor atau ahli farmasi anda.

7. Selepas menggunakan Carbimazole

Cara penyimpanan

Simpan di kawasan yang kering di bawah 25°C dan jauhkan daripada cahaya matahari.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Jangan ambil tablet Carbimazole selepas tarikh luput yang tertera selepas perkataan "EXP" pada botol.

Jangan mengambil ubat ini sekiranya sebarang tanda-tanda rosak diperhatikan.

Cara pelupusan

Ubat ini tidak boleh dibuangkan secara sebarangan ke dalam sistem pembuangan. Sila tanya ahli farmasi anda terhadap cara pelupusan ubat

yang tidak digunakan untuk melindungi persekitaran.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Carbimazole adalah berwarna putih, bentuk bulat, dibekalkan dalam botol yang mengandungi 60's, 100's dan 100x10's; 1000's (ekspot sahaja).

Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktifnya (bahan yang memberi kesan rawatannya) adalah Carbimazole. Setiap tablet mengandungi Carbimazole 5mg.

-Lain-lain bahan kandungan:

Starch, Magnesium Stearate dan White base.

Tablet Carbimazole - MAL19921350A

Pengilang, Pemegang Pemasaran, Dan Diedar oleh

Biosis Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
1572, Jalan Besar Valdor,
Mukim 12, Sungai Bakap,
14200 Seberang Perai Selatan,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh Semakan: September 2011